

INTELEKTUALISME ABIM: MENELUSURI JEJAK KECENDEKIAWANAN GENERASI PERINTIS

Siddiq Fadzil

Mukadimah

Kebangkitan Islam di Malaysia yang mulai menyemarak pada tahun-tahun 1970-an, ternyata bukan sekadar suatu fenomena ledakan semangat dan sentimen semata-mata. Kebangkitan tersebut jelas didasari kesedaran keintelektualan yang kemudian membentuk tradisi keilmuan yang kuat dalam tubuh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), gerakan kepemudaan yang mawadahi aspirasi kebangkitan Islam di negara ini. Gerakan yang dipelopori oleh sekumpulan siswa dan siswazah muda institusi-institusi pengajian tinggi ibu kota (Kuala Lumpur) ini sejak awal memang terdedah kepada pemikiran tokoh-tokoh intelektual dalam dan luar negara, Muslim dan bukan-Muslim. Mereka melibatkan diri secara intensif dalam proses re-educating menerusi pelbagai program belajar bersama, khususnya program usrah mingguan, suatu program tarbiyah bersemangat self-reform yang memadukan pelbagai unsur: keilmuan, kerohanian dan keorganisasian (haraki).

Islam Sebagai Cara Hidup

Sebagai aktivis-aktivis gerakan Islam, anak-anak muda terpelajar itu telah memelopori orientasi: pepaduan aktivisme dan intelektualisme. Mereka terinspirasi oleh karya dan jejak perjuangan tokoh-tokoh ilmuwan-pejuang seperti Hasan al-Banna, Sayyid Qutb, Muhammad Qutb, Maududi, Abu al-Hasan `Ali al-Nadwi, Muhammad Natsir dan Badi` al-zaman Sa`id al-Nursi. Generasi awal ABIM berusaha “memahami semula” Islam, sejarah dan tamadunya lewat karya tokoh-tokoh tersebut yang rata-rata memaparkan Islam dalam citra aslinya yang segar dengan latar konteks realiti dan semangat zaman.

Dalam pembinaan tradisi haraki dan keintelektualannya generasi awal ABIM mengamalkan sikap terbuka yang kalkulatif dan terukur, dalam pengertian kesediaan belajar dan memanfaatkan segala sumber (ilmu dan pengalaman) yang relevan, termasuk sumber-sumber luar negara (kesarjanaan dan gerakan Islam di pelbagai rantau dunia) dengan tetap mengakar pada realiti (sejarah dan sosio-budaya) kemalaysiaan. Mereka mempelajari fiqh al-harakah dari al-Banna lewat himpunan risalah-risalahnya (Majmu`at Rasa'il al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna), terutama dari segi memahami konsep harakah Islamiyyah dan pembinaan kader-kader gerakan. Dalam hal ini mereka juga mempelajarinya dari Fathi Yakan. Dari al-Maududi mereka mempelajari Islam sebagai al-din secara utuh dan komprehensif (shumuliyat al-Islam) terutama lewat bukunya Towards Understanding Islam dan Islamic Way of life (diterjemahkan ke bahasa Indonesia oleh Osman Raliby dengan judul Pokok-Pokok Pandangan Hidup Muslim, terbit pada tahun 1967). Dari Sayyid Qutb mereka mendapat pencerahan baru tentang implikasi kalimat syahadat dan faham tawhid sebagai kekuatan integratif. Buku terakhirnya, Milestones (terjemahan Inggeris Ma`alim fi al-Tariq) memberikan pencerahan tentang hakikat la ilaha illa `Llah sebagai cara hidup dan misi al-Qur'an dalam pembentukan watak Qur'ani

yang diekspresikan dengan ungkapan al-Jil al-Qur'aniyy al-Farid atau terjemahan Inggerisnya *The Unique Qur'anic Generation*. Dari Sayyid Qutb jugalah mereka mempelajari pandangan sarwa Islami atau Islamic worldview yang dalam istilah asalnya ialah al-tasawwur al-Islamiy. Istilah tasawwur Islamiy kemudiannya dipakai dengan meluas dalam wacana-wacana keislaman. Dua buah bukunya, *Muqawwimat al-Tasawwur al-Islamiy* dan *Khasa'is al-Tasawwur Islamiy* menjadi sumber rujukan penting. Selain itu mereka juga mempelajari pandangan sarwa tauhidik (tawhidic worldview) dari Isma'il al-Faruqi lewat bukunya, *Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Buku terbitan International Institute of Islamic Thought (IIIT) tersebut dicetak untuk kali pertamanya di Malaysia (Percetakan Polygraphic) dengan usaha ABIM. Bagi kader-kader ABIM buku tersebut mempunyai erti tersendiri kerana sasarannya memang pemuda-pemuda aktivis gerakan Islam, "It is Islam's vision of reality that this book seeks to present for the instruction of Muslim Youth. In it, the author hopes to take the youth further on the road of genuine self-reform, bringing up to date, as it were, the early ideational insights of the great reformers of the Salafiyyah movement, Muhammad ibn `Abd al-Wahhab, Muhammad Idris al-Sanusi, Hasan al-Banna and others." Demikian antara catatan penulisnya pada prakata buku tersebut. Sementara itu, dimensi kerohanian Islam mereka pelajari dari Sa'id Hawwa terutama bukunya *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*.

Pembinaan Sikap Kritis terhadap Barat dan Orientalisme

Bagi generasi pelopor ABIM, karya besar Sayyid Qutb, tafsir *Fi Zilal al-Qur'an* ternyata sangat mengesankan kerana ia lebih berorientasi masa kini. Gaya persembahannya berbeza daripada karya-karya tafsir klasik. *Al-Zilal* lebih merupakan kesan atau impression Sayyid Qutb sendiri ketika mempelajari al-Qur'an ayat demi ayat. Selain memuatkan pandangan para mufassirin terdahulu, *al-Zilal* juga membahas isu-isu kontemporari termasuk kritik yang tajam terhadap pemikiran, ideologi dan tamadun Barat masa kini. Bagi golongan berpendidikan moden (Barat) *al-Zilal* memang sangat instrumental untuk meruntuhkan sikap mengagumi Barat. Tidak kurang pentingnya ialah karya Muhammad Qutb, *Islam the Misunderstood religion* (terjemahan Inggeris dari Shubuhat hawla al-Islam) yang banyak menjawab tohmah dan fitnah Barat terhadap Islam. Dalam kaitan ini tulisan-tulisan Maryam Jameelah juga sangat membantu, seperti bukunya *Islam versus the west* dan *Western Civilization Condemned by itself*. Selain itu tulisan Khurshid Ahmad, *Islam & the West* juga turut menyumbang dalam pembinaan sikap kritis terhadap tamadun Barat. Buku Muhammad Asad, *Islam at the Crossroads* mendapat perhatian luas, antara lain kerana pendedahannya tentang kebobrokan masyarakat Barat hari ini terutama dari segi moral. Barat sedang dilanda new morality yang memberikan kebebasan individu tanpa batas. Yang dipentingkan oleh Barat adalah utilitarian morality iaitu sistem moral yang hanya memperhitungkan manfaat kebendaan semata-mata. Nilai-nilai yang dapat membawa faedah kebendaan seperti kemahiran teknik, patriotisme dan nasionalisme begitu ditekankan, sedang nilai-nilai moral dan etika seperti kesetiaan dan kejujuran suami-isteri semakin diabaikan kerana ia tidak membawa faedah yang tangible. Ikatan kekeluargaan menjadi semakin longgar, ibu-bapa tidak mempedulikan anak, dan anak tidak menghormati ibu-bapa. (Asad, M. 1955:56-58).

Memang kebangkitan Islam pada tahap tersebut sangat berorientasi semangat membebaskan umat dari hegemoni dan rasa kagum terhadap tamadun Barat, dan sekaligus membina keyakinan terhadap keunggulan Islam. Dalam kaitan ini jugalah pentingnya sumbangan Prof. Dr. Sayyid Muhammad Naquib al-Attas terutama bukunya, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Buku yang berasal dari Syarahan Perdananya sebagai Profesor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (1972) itu membuka mata khalayak pengkaji sejarah serantau tentang peri pentingnya peranan Islam dalam memulakan Zaman Baru dan Zaman Moden di Dunia Melayu, dan sekaligus menafikan peranan kebudayaan Barat dalam perabadan atau periodisasi persejarahan Melayu. Dalam penghujahannya, al-Attas mengaplikasikan teori ciri-ciri Zaman Baru di Eropah sebagaimana yang diungkapkan oleh Henri Pirenne dalam bukunya *Muhammad and Charlemagne*. Walau apa pun kritik orang, yang jelas buku al-Attas tersebut telah berjaya dan berjasa membina keyakinan terhadap peranan Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu pada masa lalu, di samping meruntuhkan keyakinan terhadap “teori-teori” pengkaji Barat tentang sejarah dan kebudayaan kepulauan ini. Tidak kurang pentingnya dalam konteks wacana menggugat autoriti orientalis Barat ialah tulisan Prof. Syed Husein Alatas, *Reconstruction of Malaysian History*. Tulisan Alatas tersebut banyak mengkritik dan menyerlahkan kelemahan “teori-teori” penulis Barat tentang sejarah rantau ini. Dalam konteks yang lebih umum, Maryam Jameelah juga turut menyumbang dalam bentuk kritik terhadap orientalisme lewat bukunya *Islam and Orientalism*.

Tamadun Islam

Selain mendapat pencerahan tentang tamadun Melayu, mereka juga mendapat pendedahan tentang tamadun Islam dan tamadun dunia menerusi karya tulis Abu al-Hasan `Ali al-Nadwi, khususnya buku *Islam and the World* (terjemahan Inggeris dari buku *Madha Khasira al-`Alam bi inhitat al-Muslimin*). Lewat buku tersebut (Apa Kerugian Dunia Akibat Kemunduran Kaum Muslimin) mereka mendapat pendedahan kepada suatu pendekatan baru dalam penulisan sejarah tamadun Islam. Sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh penulisnya bahawa pendekatannya memang berbeza daripada pendekatan konvensional yang rata-rata melihat umat Islam dari perspektif sejarah dunia, melihat kaum Muslimin sebagai bangsa biasa, mereka hanya salah satu bangsa dari pelbagai bangsa di dunia. Yang diperlihatkan adalah dampak pelbagai peristiwa di dunia ke atas umat Islam - apa kerugian yang ditanggung oleh umat Islam akibat sesuatu kejadian dalam sejarah dunia seperti Renaissance, Revolusi Industri, penjajahan oleh kuasa-kuasa Barat, penghapusan khilafah dan seumpamanya. Tetapi al-Nadwi cuba melihat dunia dari perspektif umat Islam, kaum Muslimin sebagai faktor yang mempengaruhi untung nasib dunia dan kemanusiaan seluruhnya - kerugian yang dialami oleh dunia akibat kemunduran umat Islam, dan bencana yang menimpa kemanusiaan akibat tersingkirnya umat Islam dari tampuk kepimpinan dunia. (Al-Nadwi, A.H.A., 1993:18-19).

Isu ketamadunan memang mendapat perhatian generasi tersebut terutama setelah mereka mengenal karya-karya Malik Bennabi, pemikir Islam dari Algeria yang

dianggap sebagai penerus warisan kesarjanaan Ibn Khaldun dalam bidang kajian ketamadunan. Mungkin merekalah kelompok terawal di Malaysia yang memberikan perhatian kepada pemikiran Bennabi yang tertuang dalam buku-bukunya *Mushkilat al-Thaqafah*, *Mushkilat al-Afkar*, *Mushkilat al-Hadarah*, *Milad al-Mujtama`*, *Shurut al-Nahdah*, *Wijhat al-`Alam al-Islamiy* dan lain-lain lagi. Antara idea Bennabi yang banyak dibicarakan dalam kalangan intelektual ABIM ialah gejala *qabiliyyat li al-isti`mar* atau *colonizability*, iaitu sejenis mentaliti kesediaan untuk dijajah.

Ilmu dan Pendidikan

Bidang yang menjadi tumpuan utama generasi awal ABIM ialah pendidikan. Sebuah buku kecil oleh Prof. Khurshid Ahmad, *Principles of Islamic Education* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Osman Bakar dengan judul *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam* dan diterbitkan oleh ABIM pada tahun 1974 dan diulang cetak pada tahun berikutnya. Mereka memperjuangkan pendidikan bersepadu, termasuk ilmu yang bersepadu (*integrated knowledge*) dengan matlamat pengutamaan pembinaan insan yang baik (*al-insan al-salih*) berbanding pembinaan warganegara yang baik (*al-muwatin al-salih*). Pada tahun 1980 ABIM menerbitkan pula buku Prof. Dr. Sayyid Naquib al-Attas, *The Concept of Education in Islam*. Sementara itu golongan berpendidikan Arab banyak memanfaatkan buku Muhammad Qutb, *Manhaj al-Tarbiyyat al-Islamiyyah* dan buku Abu al-Hasan `Ali al-Nadwi, *al-Tarbiyyat al-Islamiyyat al-Hurrah*. Kritik dan keprihatinan generasi tersebut banyak terfokus pada sifat dualistik-sekularistik sistem pendidikan moden. Suatu yang menarik, mereka juga memberikan perhatian kepada buku-buku Paolo Freire, tokoh pejuang pendidikan pembebasan dari Brazil. Antara bukunya yang dikenal oleh kalangan intelektual muda ABIM ketika itu ialah *Pedagogy of the Oppressed* (*Pendidikan Kaum Tertindas*). Mesej utama buku tersebut ialah fungsi pendidikan dalam pemberdayaan kaum lemah dan tertindas.

Persoalan tentang pendidikan terkait pula dengan isu konsep ilmu dan Islamisasi ilmu. Buku Prof. Dr. Sayyid Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* banyak dirujuk dalam konteks wacana faham ilmu dan Islamisasi ilmu. Selain itu generasi awal ABIM juga terlibat dalam kegiatan *International Institute of Islamic Thought* (IIIT) pimpinan Prof. Isma`il R. al-Faruqi yang juga melaksanakan program Islamisasi ilmu. Wacana di sekitar isu Islamisasi ilmu dilatari kesedaran bahawa ilmu-ilmu kontemporari umumnya telah mengalami sekularisasi dan pembaratan. Dalam kaitan ini Seyyed Hossein Nasr adalah antara sarjana yang banyak memberikan sumbangan khususnya dalam bidang sejarah dan falsafah sains lewat buku-bukunya, *Science and Civilization in Islam*, *The Encounter of Man and Nature*, *Knowledge & the Sacred*, *Islamic Life and Thought*, *Western Science and Asian Cultures* dan lain-lain.

Islam dan Sekularisme

Isu sekularisme dan jelmaannya dalam pelbagai ranah kehidupan umat, khususnya pendidikan dibicarakan secara intensif dan ekstensif. Generasi perintis ABIM merupakan golongan yang terawal mewacanakan isu sekularisme dalam

masyarakat Malaysia. Antara bahan bacaan yang awal tentang sekularisme ialah tulisan Seyyed Hossein Nasr, *Religion and Secularism, their Meaning and Manifestation in Islamic History* yang termuat dalam bukunya *Islamic Studies* (1967). Selain itu mereka juga membaca tulisan Muhammad Natsir tentang sekularisme dalam *Capita Selecta*-nya. Ketika Nurcholish Madjid mempromosikan gagasan sekularisasi di Indonesia, warga ABIM mengikuti polemik yang berlaku di sekitar isu tersebut. Mereka membaca tulisan Prof. Rasjidi (*Sekularisme Dalam Persoalan Lagi*) dan tulisan Endang Saifuddin Anshari (*Kritik atas Faham dan Gerakan "Pembaharuan"* Drs. Nurcholish Madjid) yang mendebat sekularisme dan sekularisasi Nurcholish. Kefahaman tentang sekularisme menjadi lebih mantap dengan penerbitan buku Prof. Dr. Sayyid Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism*. Buku yang diterbitkan oleh ABIM pada tahun 1978 itu mengupas pertentangan sekularisme dengan Islam secara yang lebih mendalam.

Generasi awal ABIM juga memberikan perhatian terhadap jelmaan sekularisme di ranah politik yang berupa pemisahan agama-negara. Mereka menolak sekularisasi yang dilaksanakan oleh Kamal Ataturk di Turki. Tulisan-tulisan mengenai penerapan sekularisme di negara tersebut tidak terlepas dari perhatian mereka, termasuk pemikiran Ziya Gokalp dan Mustafa Kamal Ataturk seperti yang dibahas oleh Maryam Jameelah dalam bukunya, *Islam and Modernism*. Polemik Soekarno-Natsir yang berlaku pada tahun 1940 tentang agama dan negara mereka telaah kembali. Demikian juga polemik tentang isu yang sama (din dan dawlah) yang berlaku di Mesir. Mereka membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan pemikiran `Aliy `Abd al-Raziq dan bukunya *al-Islam wa Usul al-Hukm*, juga pemikiran Khalid Muhammad Khalid dan bukunya *Min Huna Nabda'*. Mereka berdua adalah tokoh Arab-Muslim pengusung idea pemisahan negara-agama.

Ekonomi dan Keadilan Sosial

Generasi tersebut juga sangat prihatin dengan masalah ekonomi terutama sejauh yang menyangkut isu kemiskinan dan keadilan sosial. Dalam kaitan ini mereka sangat terinspirasi dengan buku *al-`Adalah al-Ijtima`iyyah fi al-Islam* oleh Sayyid Qutb. Buku terpenting Sayyid Qutb ini telah diterbitkan kali pertama pada tahun 1948 dan terjemahan Inggerisnya, *Social Justice in Islam* diterbitkan pada tahun 1953 oleh American Council of Learned Societies, Washington. Buku tersebut ditulis ketika Sayyid Qutb memasuki tahap penting dalam hidupnya, iaitu ketika beliau mula mempelajari Islam secara serius dan intensif, ketika mula bergiat dalam gerakan al-Ikhwan al-Muslimin, dan setelah kembali dari kunjungan ke Amerika Syarikat. Kunjungan tersebut ternyata telah memberikannya pengalaman yang sangat mengesankan. Di sana Sayyid Qutb menyaksikan sebuah tamadun kebendaan dengan segala manifestasinya yang menyeramkan. Beliau juga menyaksikan sebuah model demokrasi dan keadilan palsu yang diskriminatif, tirani kaum kulit putih ke atas kaum kulit hitam. Demikian kesan Sayyid Qutb tentang pengalamannya di Amerika sebagaimana yang tertuang dalam bukunya *Amrika allati Ra'aitu* (*Amerika Yang Saya Saksikan*). Kekecewaannya dengan tamadun Barat, memperteguh keyakinannya terhadap keunggulan Islam - ajaran, semangat dan nilai-nilainya. Sayyid Qutb merasakan bahawa dunia sedang mencari order baru yang adil dan seimbang, dan itu hanya ada dalam Islam. Keyakinan itulah yang menyemangati bukunya *Keadilan Sosial dalam Islam*. Antara kandungan buku tersebut termasuklah asas-asas keadilan dalam Islam, kebebasan, persamaan

kemanusiaan, jaminan sosial, sistem pemerintahan Islam, dasar-dasar kehartaan dalam Islam, hak pemilikan individual dan tuntutan infaq (zakat dan lain-lainnya). Secara khusus Sayyid Qutb menyerlahkan dimensi ruh al-Islam atau the spirit of Islam dan jelmaannya sepanjang sejarah. Menurutnyanya semangat atau ruh Islam ini lebih penting dan lebih mendasar daripada dimensi hukum-hakamnya.

Isu kemiskinan cuba difahami dari pelbagai perspektif. Dari perspektif Islam mereka mendapat pencerahan Dr. Yusuf al-Qaradawiy lewat bukunya, *Mushkilat al-Faqr wa Kayfa `Alajaha al-Islam (Masalah Kemiskinan dan Bagaimana Islam Menanganinya)*. Di samping itu mereka juga terdedah kepada wacana kemiskinan oleh sarjana-sarjana Barat, khususnya Gunnar Myrdal, Profesor Emeritus dari University of Stockholm yang membidangi ekonomi antarabangsa. Beliau telah membuat penyelidikan tentang kemiskinan di rantau Asia Selatan. Hasil dapatan kajian tersebut kemudian telah dibukukan dengan judul *Asian Drama* (tiga jilid). Ia adalah karya monumental seorang sosiologis-ekonomis yang merupakan sebuah ensiklopedia sejarah, politik dan prospek ekonomi negara-negara Asia Selatan yang ketika itu baru merdeka.

Memang ketika itu Gunnar Myrdal adalah sebuah nama besar dalam bidang ekonomi, khususnya tentang kemiskinan. Beliau disebut sebagai the Adam Smith of Poverty. Jika Adam Smith menulis tentang the wealth of nations, Myrdal pula sebaliknya menulis tentang the poverty of nations. Menurutnyanya, gejala kemiskinan sangat terkait dengan pelbagai faktor seperti pendidikan, nilai-nilai budaya, dasar ekonomi dan politik. Kemiskinan adalah gejala yang menyolok di mana-mana. Ia bukan hanya fenomena perdesaan yang terpencil, malah kemiskinan juga hadir di tengah gemerlap kota. Dalam konteks proses pambandaran atau urbanisasi yang ketika itu sedang pesat dialami oleh negara-negara membangun Myrdal mengatakan, "Instead of symbolizing growth, as it did in the West, urbanization in South Asia is an aspect of continued poverty." Pemilihan kata Drama sebagai judul buku ini didasarkan pada anggapan bahawa rantau Asia Selatan adalah ibarat sebuah pentas yang para aktornya (rakyat dan terutama golongan terpelajarnya) beraksi dan berkonflik atas tema yang sama. Persoalan yang menjadi konflik dalam pemikiran seluruh aktornya adalah antara impian dan aspirasi yang serba indah dan manis, dengan realiti dan kenyataan yang pedih dan getir; antara keinginan kepada perubahan dan kemajuan, dengan keberatan menanggung akibat dan harga yang harus dibayar. Dalam drama pentas, kesudahan segalanya sudah ditetapkan dalam skrip, tetapi dalam sejarah kehidupan nyata, menurut Myrdal masih ada pilihan dan alternatif. Beliau menyimpulkan, "History, then, is not taken to be predetermined. Rather, it is within the power of man to shape it. And the drama thus conceived is not necessarily tragedy." (Myrdal, G. 1977:15-16).

Kritik Sosial dan Public Intellectual

Terinspirasi oleh pemikiran kritis para tokoh gerakan Islam dan cendekiawan dunia, generasi perintis ABIM tampil sebagai kekuatan intelektual baru yang lantang menyuarakan kritik sosial dengan mempromosikan perspektif Islam. Mereka bukan lagi generasi the captive mind seperti yang diungkapkan oleh Prof. Alatas. Memang mereka sangat terkesan dengan tulisan beliau, *The Captive Mind and Creative*

Development yang termuat dalam buku *Asian Values & Modernization* (Chee-Meow, Seah, 1977). Minda tawanan seperti yang didefinisikan oleh Alatas ialah, "A captive mind is the product of higher institutions of learning, either at home or abroad, whose way of thinking is dominated by Western thought in an imitative and uncritical manner." (Alatas, S.H., 1977:77).

Tulisan-tulisan Alatas sebagai public intellectual memang banyak dibaca oleh warga ABIM terutama bukunya, *The Sociology of Corruption* yang membahas isu rasuah dari pelbagai sudut: sifat dan cirinya, fungsinya, punca-puncanya dan cara pencegahannya. Antara yang menarik dalam buku tersebut ialah huraiannya tentang pemikiran Ibn Khaldun (A.D.1332-1406) mengenai punca keleluasaan rasuah iaitu, "...the passion for luxurious living within the ruling group. It was to meet the expenditure on luxury that the ruling group resorted to corrupt dealings." (Alatas, S.H., 1968:9). Alatas juga mengangkat pemikiran Wang An Shih (A.D. 1021-1086), tokoh besar pembaharuan (reformer) China yang menyimpulkan dua punca utama rasuah: bad laws and bad men. Alatas memetik kata-kata Wang An Shih, "But what I wish particularly now to emphasize is that history proves it to be impossible to secure proper government by merely relying on the power of the law to control officials when the latter are not the right men for their job. It is equally futile to expect efficient government if, having the right men in their proper positions, you hedge them about by a multitude of minute and harassing prohibitions". Untuk mencegah rasuah menurut Wang An Shih seperti yang dirumuskan oleh Alatas ada dua syarat yang harus dipenuhi, "...power-holders of high moral caliber, and rational and efficient laws." (Alatas, S.H., 1968:7-8). Selain membaca tulisan-tulisan Alatas, warga ABIM juga mengikuti pemikiran Soedjatmoko (cendekiawan ulung Indonesia) dan juga Ali Shari`ati (intelektual-ideologue revolusi Iran).

Antara tulisan-tulisan Alatas yang sangat popular dalam kalangan warga ABIM ialah *Siapa Yang Salah: Sekitar Revolusi Mental dan Peribadi Melayu dan Mitos Peribumi Malas*. Alatas mengkritik buku *Revolusi Mental* (ed. Senu Abdul Rahman) sebagai "penegasan ideologi kapitalisme kolonial" yang merangsang orang Melayu agar bersikap individualis-kapitalis. Buku yang terbit pada tahun 1971 dan dipromosikan secara meluas dalam masyarakat Melayu itu memang cukup kontroversial dan menjadi sasaran kritik. Seperti yang disebut oleh Shahrudin Maaruf bahawa buku *Revolusi Mental* dan *The Malay Dilemma* (oleh Dr.Mahathir Mohamad) menekankan "the interplay of power and Malay Capitalism". Beliau menyimpulkan kedua-dua buah buku tersebut sebagai dokumen "Malay Political Capitalism" . (Shahrudin Maaruf, 1988: 138-139).

Isu besar dalam wacana keintelektualan pada era tersebut ialah konsep dan orientasi pembangunan. Generasi awal ABIM berperanan besar mempromosikan perspektif Islam tentang pembangunan. Mereka mengetengahkan konsep pembangunan bersepadu yang human centric atau pembangunan insan seutuhnya. Mereka menolak konsep Barat tentang pembangunan yang lebih menumpu pada aspek kebendaan, mengabaikan dimensi keinsanan sehingga berhujung dengan dehumanisasi. Dalam kaitan ini mereka banyak menelaah tulisan-tulisan yang berkisar pada tema Islam dan pembangunan, termasuk makalah-makalah oleh para sarjana Muslim dalam buku *Islam and Development* (Prosiding Konvensyen Tahunan Kelima The Association of Muslim Social Scientists, 1977). Selain persoalan

konsep dan orientasi pembangunan, masalah-masalah lain seperti kendala-kendala pembangunan juga mereka bicarakan. Antara bahan yang dibincangkan termasuklah makalah Prof.Syed Hussein Alatas, *Obstacles to Development* yang merumuskan bahawa kendala terpenting pembangunan di Malaysia ialah pemerintah sendiri, *The ruling group* di Malaysia pada penilaian Alatas adalah golongan undeveloped yang tidak memiliki kualiti yang diperlukan untuk pembangunan iaitu integriti moral, kemampuan berfikir, dan stamina berfikir dan bekerja untuk pembangunan. (Alatas, 1974: 106-113).

Isu Kewanitaan

Sejak awal ABIM telah membuka ruang peranserta yang luas kepada wanita sesuai dengan tuntutan dan ajaran agama. Dalam kaitan ini risalah Dr.Hasan al-Turabi (pemimpin gerakan Islam Sudan), *Kayfa Tanhad al-Mar'ah* (Bagaimana Kaum Wanita Harus Bangkit) telah diterjemahkan ke bahasa Melayu (oleh Siti Zalikah Md.Nor) dan dimasyarakatkan dalam kalangan warga ABIM (disiarkan secara bersiri dalam Risalah ABIM). Buku-buku lain tentang status dan peranan wanita dalam Islam yang banyak beredar ketika itu termasuklah *The Status of Woman in Islam* (Dr.Gamal A.Badawi), *Woman in Islam* (B.Aisha Lemu dan Fatima Heeren), *Women in Islam* (Mohammad Mazheruddin Siddiqi) dan *The Islamic View of Women and the Family* (Muhammad Abdul-Rauf). Semangat yang mendasari pemikiran dan gerakan kewanitaan dalam ABIM ialah untuk memberikan ruang kepada kaum wanita berperanan dalam gerakan Islam sejauh yang diizinkan oleh syara`. Yang diinginkan adalah kebangkitan wanita yang tercetus dari dalam ajaran Islam sendiri, bukan kebangkitan yang diinspirasikan dari woman-lib Barat.

Khatimah

Latar pembentukan tradisi keintelektualan ABIM ternyata begitu komprehensif dan pelbagai, tidak didominasi oleh sesuatu aliran tertentu. Mereka bukan pengagum naif yang fanatik kepada seseorang tokoh. Mereka mendalami pemikiran Sayyid Qutb, tetapi tidak sampai menjadi penganut aliran radikal-Qutubiy. Orientasi moderat dan seimbang sentiasa dipertahankan kerana mereka juga terdedah kepada pemikiran tokoh-tokoh moderat seperti Hasan al-Hudaybiy terutama bukunya *Du`ah.. la Qudah* (Kita adalah Pendakwah, bukan hakim). Mereka juga mengikuti hujah-hujah al-Nadwi yang mengkritik pemikiran Maududi dan Sayyid Qutb dalam bukunya, *al-Tafsir al-Siyasiy li al-Islam fi Mir'at Kitabat al-Ustadh Abi al-A`la al-Mawdudiy wa al-Shahid Sayyid Qutb* (Tafsiran politis tentang Islam berdasarkan tulisan-tulisan al-Ustadh Abu al-A`la al-Maududi dan al-Shahid Sayyid Qutb). Orientasi moderat (wasatiy) dalam ABIM semakin menguat apabila mereka kemudiannya terdedah pula kepada pemikiran Yusuf al-Qaradawiy seperti yang terungkap dalam tulisannya *Zahirat al-Ghuluw fi al-Takfir* (Fenomena melampau dalam pengkafiran) dan tulisan-tulisannya yang lain. Memang al-Qaradawiy adalah ilmuwan besar yang secara konsisten memperjuangkan aliran wasatiy. Keterbukaan kepada kepelbagaian, dan kemampuan mengintegrasikannya telah berjaya membina

kekuatan intelektualisme yang unik - kritis, moderat, seimbang dan menepati makna keintelektualan yang komited dan berwawasan luas.

Rujukan

Alatas, S.H. 1977. "The Captive Mind and Creative Development", dlm. Seah Chee-Meow (penyt.), Asian Values & Modernization. Singapore: Singapore University Press.

----- 1974. "Obstacles to Development" , dlm. Yong Mun Cheong (penyt.), Trends in Malaysia II. Singapore: ISEAS.

----- 1968. The Sociology of Corruption. Singapore: Donald Moore Press.

Al-Faruqi, Isma`il Raji. 1982. Tawhid: Its Implications for Thought and Life. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought.

Al-Nadwi, Abu al-Hasan `Ali. 1993. Qissat Kitab Yahkiha Mu'allifuh. Lucknow: Al-Majma` al-Islamiy al-`Ilmiy.

Hasan, S.Badrul. 1980. Syed Qutb Shaheed. Karachi: International Islamic Publishers.

Kassab, Akram. 2008. Dawr al-Qaradawiy fi Ta'sil al-wasatiyyat wa Ibraz Ma`alimiha.

Kaherah: Maktabah Wahbah.

Khalil, `Imad al-din. 1994. Al-Manzur al-Tarikhiiy fi Fikr Sayyid Qutb. Dimashq: Dar al-Qalam.

Myrdal, Gunnar. 1977. Asian Drama. London: Pelican Books.

Shaharuddin Maaruf. 1988. Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist. Singapore: Times Books International.

TIGIM (11012014)